

TARIKH : 7 FEBRUARI 2020

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

Penularan coronavirus

Ekonomi tak berdepan risiko meleset

Kuala Lumpur: Malaysia tidak berdepan risiko kemelesetan, sebaliknya langkah kerajaan mahu melaksanakan 'pakej ekonomi bertujuan merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata pakej rangsangan ekonomi bagi mengekang impak penularan coronavirus itu akan diumumkan pada masa terdekat.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya akan segera mengadakan perjumpaan dengan pemain in-

dustri bagi mendapatkan input.

"Tiada risiko kemelesetan untuk (berlaku terhadap) Malaysia, tetapi apa yang kami mahukan ialah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

"Kementerian juga akan mengadakan pertemuan dengan pihak yang terjejas akibat coronavirus ini dalam tempoh terdekat bagi mendapatkan input daripada mereka," katanya.

Mengenai tarikh pakej rangsangan itu akan dapat disiapkan,

Guan Eng berkata, beliau perlu membentangkannya kepada Kabinet terlebih dulu sebelum mengumumkannya.

Pihak Kementerian, katanya, juga akan mempertimbangkan cadangan pengecualian cukai dan bil elektrik seperti yang pernah dilakukan kerajaan sebelum ini ketika penularan wabak sindrom pernafasan akut teruk (SARS) pada 2003.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan kelmarin berkata, akan

mengadakan perbincangan dengan beberapa kementerian, pihak industri dan syarikat perkhidmatan berkaitan bagi mendapatkan input berhubung perancangan pakej rangsangan ekonomi berikutan penularan coronavirus.

Kementerian yang akan terlibat dalam perbincangan bersama itu ialah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi; Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.